



- MUKA DEPAN**
- ▶ Sajian Berita
  - ▶ **Singapura**
  - ▶ Luar Negara
  - ▶ Ekoniaga
  - ▶ Ekstra!
  - ▶ Forum
  - ▶ Komentor
  - ▶ Sukan
  - ▶ Dunia Digital
  - ▶ Wak Cantuk
  - ▶ Galeri Seni

[Singapura : 17 Julai 2005](#)

## [LIHAT TEMPAT JATUH JADI TEMPAT BERMAIN](#)

### [Bekas penduduk Seking ikuti perasmian kawasan pelupusan sampah Semakau sebagai pusat riadah](#)

Oleh  
Khalid Khamis

DULU, saban hari Cik Siti Wahab meninggalkan rumahnya di Pulau Seking tepat 5 pagi untuk pergi ke tanah besar Singapura menghantar dua anaknya ke sekolah.

Dari pulau itu beliau menaiki bot ke Pulau Bukom, perjalanan yang mengambil masa setengah jam, dan kemudian menaiki feri ke Singapura.

Ia menjadi kegiatan harian Cik Siti sehinggalah beliau berpindah ke tanah besar Singapura pada 1993.

Hari ini, Cik Siti akan mengimbas detik nostalgia itu apabila beliau bersama 40 bekas jirannya yang pernah tinggal di Pulau Seking akan dibawa ke tempat kelahiran mereka sempena pembukaan pusat pelupusan sampah Semakau sebagai pusat riadah bagi orang ramai.

Mereka diundang Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) ke majlis perasmian kawasan seluas 350 hektar itu oleh Menteri Sekitaran dan Sumber Air, Dr Yaacob Ibrahim.

Kawasan pelupusan itu dibentengi batu bata antara sebahagian Pulau Semakau dengan Pulau Seking.

Ketika dihubungi, Cik Siti, 53 tahun, berkata beliau ghairah untuk melawat tempat lahirnya.

'Saya tak pernah balik ke pulau itu selepas pindah. Saya ghairah juga nak tengok bagaimana keadaannya sekarang.

'Saya tak boleh nak gambarkan betapa bahagia saya semasa tinggal di sana dulu. Kalau boleh saya nak duduk di sana lagi. Semasa disuruh pindah dulu saya rasa sedih, lebih lebih lagi kerana tak dapat nak pergi pancing lagi,' katanya.

Menurut ibu dua anak itu, yang gemar memancing, semasa arwah suaminya, Allahyarham Leman Latif, masih hidup beliau kerap mengajaknya memancing di pulau berdekatan dengan menaiki botnya.

Cik Siti dilahirkan di pulau itu tetapi menetap di Singapura buat seketika sebelum kembali tinggal di situ semasa berusia sekitar 10 tahun.

Beliau terpaksa berpindah ke Singapura kerana rancangan pemerintah membangunkan kawasan itu sebagai pusat pelupusan sampah.

Menurut Cik Siti, dulu terdapat sekitar 60 keluarga di pulau itu dan mereka rapat sehingga boleh dianggap seperti satu keluarga besar.

Oleh kerana tiada sumber air di pulau itu, penduduknya mendapatkan air bersih dari Pulau Bukom setiap dua atau tiga hari dengan sampan atau bot.

'Kalau kehabisan air, boleh minta jiran sebelah,' kata Cik Siti.

Kebanyakan penduduk pulau itu dulu sama ada bekerja di loji penapisan minyak di Pulau Bukom atau menjadi nelayan.



Mudah cetak | E-mel



CARI



[kirim pandangan anda mengenai laporan di atas](#)

## [Arkib](#)

ARKIB 6 HARI ▾

**NOTA:** cyBerita hanya menyimpan arkib laporan Berita selama tujuh hari.

[Dunia Digital](#) [Ekoniaga](#) [Forum](#) [Komentar](#) [Luar Negara](#) [Ekstra!](#) [Sajian Berita](#) [Singapura](#) [Sukan](#) [Santai](#) [Wak Cantuk](#)

Copyright © 2005 SPH AsiaOne Ltd. All rights reserved.

[Privacy Statement](#) [Conditions of Access](#) [Advertise @ AsiaOne](#)

